

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**01 DISEMBER 2014**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
  - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
  - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
  - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
  - Bahagian A : Semua Soalan
  - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
  - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**SEMOGA BERJAYA**

## BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah. Pilih satu jawapan yang tepat bagi setiap soalan.

1. Pusingan atau Proses Pelaksanaan TPOR (Tekad Pemedulian Orang Ramai) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama: Pembentukan Jawatankuasa, Kedua: Penggubalan, Keempat: Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan,, Kelima: Pemantauan dan Keenam : Penilaian dan Penambahbaikan. Pusingan yang Ketiga adalah :
  - a. Pemasaran
  - b. Promosi
  - c. Kesedaran
  - d. Dokumentasikan
  
2. Sesuatu jawatan kosong untuk di "trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu ?
  - a. Kementerian Kewangan
  - b. Jabatan Perdana Menteri
  - c. Jabatan Perbendaharaan
  - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

3. Kaedah Kenaikan Pangkat Lajuan Laju (KPLL) dalam Perkhidmatan Awan khusus bagi pegawai bahagian yang dikategorikan sebagai high flyers seperti berikut:
  - a. Pegawai bahagian I
  - b. Pegawai bahagian II dan ke atas
  - c. Pegawai bahagian III dan ke atas
  - d. Pegawai dalam kategori Timbalan dan Ketua Jabatan
  
4. Seorang pegawai dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 15 Disember 2012. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya seterusnya ?
  - a. 1 Januari 2013
  - b. 2 Januari 2013
  - c. 15 Disember 2013
  - d. Belum berkelayakan
  
5. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian / Jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Di antara tugas jawatankuasa ini adalah :
  - i. Memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu);
  - ii. Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
  - iii. Menemuduga calon-calon; dan

Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.

- a. Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
- b. Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dari temuduga.
- c. Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
- d. Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02

6. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012, Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai di dalam keadaan berikut :
- i. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut
  - ii. Naik pangkat ke Bahagian I
  - iii. Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji

Apakah satu keadaan lagi ?

- a. Bertukar gelaran jawatan
  - b. Mengambil cuti tahunan
  - c. Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
  - d. Dalam proses diambil tindakan tatatertib
7. Apakah tahap Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian gred 54% ?

- a. Memerlukan Pembaikan
- b. Memuaskan
- c. Baik
- d. Sangat Baik

Handwritten notes in blue ink: "No. 12/11/11", "Ment", "30-11-11", "C-24", and "Ment".

8. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali seperti berikut:
- a. *Decision matrix*
  - b. *Balanced Score Card*
  - c. *Gantt chart*
  - d. Lembaran semak

9. Ketua Jabatan adalah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan tertentu jika merujuk Bab 35 daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83. Dalam perkhidmatan apakah yang dimaksudkan ?
- Open Vote
  - Gaji Hari
  - Sebulan Ke Sebulan
  - Kontrak
10. Ciri-ciri Penilaian Prestasi bagi pegawai-pegawai bahagian I dan II kecuali seperti berikut:
- Komitmen
  - Pengurusan kerja
  - Kebolehpercayaan
  - Kebolehan pemahaman
11. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan berikut boleh dilantik memangku kecuali?
- Tetap Bahagian I, II, III dan IV
  - Open Vote
  - Kontrak Tempatan
  - Sebulan Ke Sebulan
12. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah seperti berikut:
- Personaliti, komitmen,kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin.
  - Personaliti, dedikasi, pengetahuan jawatan, akauntabiliti dan kelakuan
  - Personaliti, dedikasi,kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
  - Personaliti, dedikasi,kebolehharapan, akauntabiliti dan ketaatan bekerja

13. Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam mempunyai 11 ciri. Ciri mana yang lebih tepat mengikut susunan?
- Tabah, sabar dan bersopan santun amalan terpuji
  - Bersopan santun, tabah dan sabar amalan terpuji
  - Sabar, tabah, dan bersopan santun amalan terpuji
  - Sabar, bersopan santun dan tabah amalan terpuji
14. Pegawai yang dikurniakan tambang menunaikan fardhu haji boleh memulakan cuti seperti berikut:.
- Hari penerbangan bertolak ke Arab Saudi dan sehari selepas sampai ke negara ini
  - Satu hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan satu hari sesudah sampai ke negara ini
  - Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua hari sesudah sampai ke negara ini
  - Dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan tiga hari sesudah sampai ke negara ini
15. Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas di luar negeri diberikan di bawah kementerian atau agensi tertentu kecuali
- Kementerian Pertahanan
  - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
  - Agensi Pelaburan Brunei
  - Kementerian Kewangan

16. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggalaan 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman
- Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$15,000.
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$50,000.
17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Ijazah Lulus ?
- \$140.00
  - \$127.70
  - \$90.45
  - \$111.30
18. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan cuti tanpa gaji bagi mengikuti kursus atas perbelanjaan sendiri yang kurang dari 30 hari ?
- Ketua Jabatan
  - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung

19. Seorang pegawai yang menemani pesakit menerima rawatan di luar negeri atas biaya kerajaan boleh diberikan cuti tertentu jika baki cutinya telah habis. Apakah jenis cuti yang dimaksudkan itu ?
- Cuti Khas
  - Cuti Pinjaman
  - Cuti Pendahuluan
  - Cuti Menemani Pesakit
20. Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin di sisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak jika pegawai dan kakitangan perempuan berkenaan mengalami keguguran sewaktu usia kandungan kurang dari 24 minggu ?
- 108 hari
  - 105 hari
  - 56 hari
  - Hanya diberikan Cuti Sakit
21. Seorang pegawai boleh dipertimbangkan menerima elaun pakaian untuk negeri-negeri sejuk yang menjalankan tugas tugas rasmi di negara-negara berhawa sejuk. Elaun ini dibayar seperti berikut:
- Tiap-tiap 5 tahun sekali dengan kadar \$1500
  - Tiap-tiap 2 tahun sekali dengan kadar \$500
  - Tiap-tiap 4 tahun sekali dengan kadar \$500
  - Tiap-tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$1500



22. Elaun pelajaran akan dibayar kepada anak-anak pegawai kerajaan yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah PHD sehingga berumur seperti berikut:
- 25 tahun
  - 26 tahun
  - 27 tahun
  - 28 tahun
23. Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Dari senarai berikut, pegawai dalam bahagian manakah yang termasuk untuk anugerah ini ?
- Bahagian I dan II
  - Bahagian II, III, IV dan V
  - Bahagian III, IV dan V
  - Bahagian IV, V dan pekerja bergaji hari
24. Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2010 dan diwajibkan kepada semua rakyat dan penduduk tetap yang pekerja di sektor awam dan sektor swasta dan berumur seperti berikut:
- Tiada had umur
  - Di bawah umur 60 tahun
  - Di bawah umur 65 tahun
  - Di antara 55 tahun hingga 60 tahun
25. Elaun gangguan akan dibayar pada tiap-tiap masa dalam mana seorang pegawai ditukar tempat kerja dari satu tempat ke satu tempat dalam keadaan seperti berikut kecuali
- Ditukar atau ditempatkan dari daerah ke satu daerah yang lain.
  - Pegawai berkenaan dikehendaki berpindah dan ia melibatkan berpindah rumah dengan keluarga.
  - Pertukaran atau penempatan atas arahan Ketua Jabatan.
  - Atas permohonan pegawai berkenaan kerana persekolahan anaknya

26. Apakah yang dimaksudkan dengan Manual Prosedur Kerja (MPK) ?
- Dokumen rujukan untuk pegawai bagi menjalankan tugas
  - Dokumen rujukan dan panduan rasmi yang mengandungi maklumat menyeluruh.
  - Dokumen rujukan yang mengandungi peraturan-peraturan perkhidmatan.
  - Dokumen rujukan yang terperinci tentang teknik-teknik dalam pengurusan.
27. Beberapa syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) adalah apabila seseorang pegawai telah menerima gaji maksimum dan penilaian prestasi sekurang-kurangnya sangat baik selama lebih beberapa tahun.
- 1 tahun dan 2 tahun berturut-turut
  - 2 tahun dan 3 tahun berturut-turut
  - 3 tahun dan 2 tahun berturut-turut
  - 4 tahun dan 3 tahun berturut-turut
28. Tiga fokus dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 kecuali.
- Syarat-syarat perkhidmatan
  - Dasar
  - Struktur organisasi
  - Pelakuan organisasi

29. Membolehkan satu sifat baik dari prestasi pegawai yang dinilai mempengaruhi kebaikan pada sifat yang lain dalam Penilaian Prestasi. Sebutkan kesan yang dimaksudkan

- a. *Horns*
- b. *Halo*
- c. *Recency*
- d. Cermin

30. Tindakan yang boleh diambil sekiranya pegawai yang diarahkan untuk menghadiri sesi kaunseling tetapi ingkar dan tidak menghadiri diri.

- a. Menggantungkan perkhidmatan dengan gaji dan elaun.
- b. Diberikan surat amaran keras.
- c. Diberhentikan pembayaran gaji dan elaun
- d. Ditahan separuh gaji dan elaun

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Peraturan 9 menurut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.
2. *Off In Lieu*
3. Asas Kenaikan Pangkat
4. Elaun cuti dan elaun tambang.
5. Tatacara mengistiharkan hadiah
6. Kadar elaun memangku perenggan 4.2 dari surat keliling Jabatan Perdana Menteri bil 4/2008
7. Rukun Akhlak dan Etika Kerja: Bersih, jujur, dan amanah amalan mulia.
8. Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).
9. Cuti Mandatori
10. Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)

6/12  
7/5/2008  
2008  
17/03/08  
11

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah.

### SOALAN 1

Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai tujuh (7) kekosongan jawatan. Dua (2) Pegawai Kakitangan Kanan, tiga (3) Penolong Pegawai Kakitangan, dua (2) Kerani. Jawatankuasa Pengurusan memutuskan supaya jawatan Pegawai kakitangan Kanan untuk diberi peluang pegawai dalaman manakala jawatan Penolong Pegawai Kakitangan untuk diambil dikalangan graduan lepasan ijazah dan urusan dikendalikan oleh Jabatan sendiri. Jawatan Kerani akan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai kerajaan. Awda selaku pegawai yang mengendalikan Pentadbiran, diminta untuk memberikan cadangan yang khusus bagi memenuhi keperluan di atas.

- a) Terangkan kaedah-kaedah pengiklanan yang memenuhi ketiga-tiga jenis jawatan berkenaan. ( 9 markah)
  
- b) Selain daripada kaedah di a) terangkan satu lagi kaedah pengiklanan. (3 markah)
  
- c) Terangkan kaedah penubuhan jawatankuasa pengambilan bergaji hari dan penetapan jawatan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 2/2007. ( 5 ½ markah)

## SOALAN 2

Ali bin Ahmad, Pegawai Perubatan mula berkhidmat di Kementerian Kesihatan mulai 1 Ogos 2011 selepas memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery, MBBS) di University Glasgow United Kingdom dalam Skim Dermasiswa Kerajaan dan diikatjanji untuk berkhidmat dengan kerajaan selama sepuluh (10) tahun. Setelah berkhidmat lebih setahun, Ali bin Ahmad berhajat untuk menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan mulai 1 September 2012 dengan memberi notis penamatkan perkhidmatan satu(1) bulan. Ali bin Ahmad tidak lagi menunggu kebenaran daripada pihak tertentu dan mengambil tindakan sendiri dengan tidak lagi berkhidmat mulai 1 September 2012.

- a) Adakah tindakan Ali bin Ahmad menamatkan perkhidmatan memenuhi syarat? Siapakah yang berkuasa membenarkan permohonan menamatkan perkhidmatan. Terangkan syarat syarat bagi permohonan menamatkan perkhidmatan? ( 5 ½ markah)
  
- b) Ali bin Ahmad dikira meninggalkan pekerjaannya dan dikategorikan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. Terangkan peranan Ketua Jabatan dengan merujuk tatacara tindakan pegawai dan kakitangan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. (8 markah)
  
- c) Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran Ali bin Ahmad akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan? (2 markah)
  
- d) Terangkan Penguasa Tatatertib bagi pegawai Kerajaan yang dimaksudkan? ( 2 markah)

### SOALAN 3

Kerani Tingkatan II menilai Penilaian Prestasi tahun 2014 bagi Awang Ahmad bin Ali, Kerani yang di bawah kawalannya dengan gred penilaian di tahap memuaskan (Gred D). Walaubagaimana pun Ahmad kurang senang dan tidak bersetuju dengan penilaian. Ahmad mengadu kepada Ketua Unit, Pegawai Kakitangan. Selaku Ketua Unit, apakah nasihat yang dapat diberikan seperti berikut:

- a) Apakah tatacara yang Awang Ahmad bin Ali, Kerani sepatutnya dibuat bagi Penilaian Prestasinya itu ? ( 2 markah)
- b) Terangkan istilah yang diperkatakan dengan Pegawai Penilaian Semula dalam Penilaian Prestasi ? (3 markah)
- c) Sistem Penilaian Prestasi yang di atas dibuat dengan menggunakan konsep sistem terbuka. Dalam keadaan ini, huraikan bagaimanakah yang dikatakan konsep sistem penilaian terbuka ? ( 6 markah)
- d) Berapakah kadar peratus dan bonus jika gred penilaian prestasinya di tahap memuaskan(D) dan setelah penilaian semula gred Penilaian Prestasi di tahap Baik (C) ? (2 markah)
- e) Penilaian Prestasi pegawai dan kakitangan berperanan penting menentukan kelayakan kepada insentif tertentu. Senaraikan penyelarasan lima (5) insentif-insentif dengan sistem Penilaian Prestasi ? ( 4 ½)

\*\*\*\*\*SEMOGA BERJAYA\*\*\*\*\*